

Paras air sungai meningkat

Paras air beberapa sungai di negeri ini meningkat mendadak berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Berdasarkan laporan portal publicinfobanjir.water.gov.my, hingga jam 3 petang semalam, paras air Sungai Golok di sini terus meningkat dengan bacaan 8.95 meter melepasi paras amaran iaitu lapan meter.

Selain Sungai Golok, Sungai Galas di Limau Kasturi, Gua Musang turut melebihi paras amaran pada 57.94 meter manakala Sungai Galas di Dabong, Kuala Krai (33.52 meter), Sungai Lebir di Kuala Krai (27.18 meter) dan Sungai Kelantan di Kuala Krai (20.64 meter) mencecah

paras waspada.

Bagaimanapun tiada mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Penolong Penguasa Bomba Mohd Adni Ibrahim berkata, pihaknya bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cuaca tidak menentu.

“Jika hujan lebat berterusan, banjir dijangka melanda malah kini beberapa kawasan rendah mula dinaiki air termasuk di Kampung Lanchang, Kampung Jejawi, Kampung Putat Tujuh dan Kampung Tasek Bakong,” katanya.